

Lonjak ke pasaran global

PUTRAJAYA 18 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kejayaan membangunkan jenama Koridor Raya Multimedia (MSC) negara dalam tempoh 11 tahun lalu dilonjakkan lagi dengan memasarkannya secara lebih berkesan di pasaran global yang sesak.

Perdana Menteri berkata, MSC Malaysia telah melepasi tahun-tahun pembangunannya dan kini masa untuk negara melakukan proses transformasi dengan mengentengahkan jenama, syarikat, produk dan penyelesaian MSC ke pasaran dunia.

"Ketika mana kita berbangga dengan kejayaan yang dicapai, kita mengakui bahawa tahun-tahun pembangunannya (MSC Malaysia) sudah berlalu.

"(Sekarang) Kita mesti melangkah ke depan dengan penuh lebih yakin, cepat dan perlu lebih jelas dalam menempatkan kedudukan kita, kawasan pasaran, fokus dan kekuatan kita di pasaran global," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap pada pembukaan sesi sidang utama Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Malaysia Ke-10 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri-Menteri Kabinet dan Menteri-Menteri Besar.

Mesyuarat yang bertemakan 'Membawa MSC Malaysia ke Peringkat Global: Membangunkan Prasarana Pengetahuan dan Menjana Bakat' itu dihadiri 28 anggota panel dari pelbagai syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) antarabangsa.

Menurut Abdullah, adalah penting untuk negara mencipta ikon-ikon bertaraf global sepertimana sepanjang tempoh 30 tahun Malaysia berjaya menjadi pengeluar

cip komputer terbesar dunia.

"Jadi masanya telah tiba bagi kita membangunkan syarikat ICT tempatan yang diiktiraf di peringkat global sebagaimana kita berusaha menjana jenama Malaysia di peringkat antarabangsa.

"Kita mahu menjadi pemain utama dalam pasaran ICT di peringkat antarabangsa," katanya.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan bersedia untuk menggerakkan usaha sama dengan syarikat-syarikat ICT antarabangsa bagi membantu usahawan industri ICT berkenaan memaksimumkan pulangan mereka dengan menjalankan operasi di Malaysia.

"Kerajaan saya menetapkan untuk terus melabur dalam persekitaran yang menggalakkan kreativiti dan inovasi, cara itu dapat membantu rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa untuk menghadapi cabaran teknologi," katanya.

Cabaran

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, syarikat-syarikat ICT tempatan perlu lebih kreatif, inovatif dan terus menambah nilai kerana industri ICT memperlihatkan banyak peningkatan dan idea yang sentiasa berubah.

"Kita tidak boleh berehat sebaliknya mesti bergerak dengan lebih cepat. Jika anda tahu apa yang sedang dilakukan, anda akan berfikir untuk menyediakan sesuatu yang lebih baik," katanya.

Dalam aspek ini, Abdullah turut mengingatkan bahawa fasa pembangunan yang berbeza memerlukan resipi yang berlainan selain sokongan infrastruktur antaranya

UM - 29/5/2007

Jadi masanya telah tiba bagi kita membangunkan syarikat ICT tempatan yang diiktiraf di peringkat global sebagaimana kita berusaha menjana jenama Malaysia di peringkat antarabangsa

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

dalam meningkatkan keupayaan prasarana berasaskan ilmu pengetahuan.

Ini, katanya, penting bagi memastikan negara mampu berdepan dengan perubahan persekitaran dan persaingan yang sedang meningkat.

"Bagi mengukuhkan prasarana berasaskan pengetahuan, kita perlu memperkasakan sistem kewangan dan pendidikan, begitu juga usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), hak cipta intelek dan rejim pemindahan teknologi.

"Usaha tersebut perlu dilengkapi dengan firma dan usahawan pembangunan inovatif selain memperkukuhkan kerjasama antara kerajaan dan industri," katanya.

Dalam hal ini, beliau berkata, MSC Malaysia akan meneruskan usaha menarik minat pemain ICT di peringkat global bagi menyertai inisiatif negara dengan menawarkan lebih banyak prasarana canggih, kemudahan dengan kos yang berpatutan dan sumber modal insan yang dinamik.

"Baru-baru ini, syarikat-syarikat utama seperti Dell dan Satyam telah membuka pusat penyampaian globalnya di negara ini, manakala Al-Jazeera memilih Malaysia sebagai salah satu pusat penyiaran serantaunya," katanya.

Menurut Abdullah, setakat ini MSC Malaysia berjaya mewujudkan 48,000 peluang pekerjaan yang bernilai tinggi dan

dalam masa tiga tahun lalu, negara menyasarkan untuk meningkatkan sekurang-kurangnya 20 syarikat ICT tempatan yang mampu menjadi syarikat diiktiraf sebagai syarikat bertaraf antarabangsa.

"Kita juga berharap dapat mewujudkan sebanyak 100,000 lagi peluang pekerjaan bernilai tinggi. Tambahan pula, kita sekarang menyasarkan untuk membentuk lebih banyak usahawan teknologi melalui pembangunan industri kecil dan sederhana berasaskan ICT," katanya.

Selain itu, Abdullah berkata, multimedia kreatif juga merupakan satu lagi pasaran yang diharap dapat dibangunkan sebagai inisiatif terbesar bagi melahirkan usahawan teknologi dan mencari bakat baru di kalangan profesional ICT tempatan.

Ini kerana, katanya, industri animasi membuka peluang yang luas memandangkan nilainya di pasaran antarabangsa boleh mencecah RM204 bilion dan dijangka meningkat sehingga RM272 bilion menjelang 2010.

Dalam hal ini, Malaysia perlu bersaing dan bekerjasama dengan Jepun dan Korea Selatan yang kini sedang memacu industri animasi.

"Jadi, bakat baru tempatan kita perlu berada di hadapan dan mengaplikasikan teknologi terkini kerana ini akan menjana inovasi selain dapat mewujudkan usahawan baru dan peluang pekerjaan," katanya.